

05/11/2000

Bumiputera perlu diubah sikap

PEKAN: Budaya, sikap dan nilai di kalangan Bumiputera perlu berubah jika mereka mahu berjaya dalam bidang ekonomi dan perniagaan agar setaraf dengan bangsa lain, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Beliau berkata, pencapaian orang Melayu dalam bidang ekonomi kini tidak setimpal program dilaksanakan kerajaan yang menelan belanja berbilion ringgit.

"Pencapaian diharapkan akan menjadi kenyataan kalau budaya kita berubah iaitu menghayati budaya kerja secara positif, mempunyai sikap lebih dinamik dan ada nilai murni.

"Kita tidak boleh mengambil pendekatan bantuan itu untuk Bumiputera dan menggunakannya tanpa mempunyai kesedaran dan kesungguhan untuk berjaya dalam bidang diceburi," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang Bumiputera masih ketinggalan dalam hampir semua kegiatan ekonomi, walaupun Majlis Amanah Rakyat (Mara) serta agensi dan dana lain diwujudkan membantu mereka.

Mohd Najib berkata, Bumiputera wajar berubah secara keseluruhan, terutama aspek budaya, sikap dan nilai untuk maju dalam semua bidang ekonomi.

"Kerajaan akan meneruskan program membela orang Melayu, termasuk bekas perajurit dalam bidang perniagaan dan ekonomi, termasuk program baru iaitu perniagaan runcit.

"Perbadanan Usahawan Nasional Berhad akan menjadi agensi pembimbing untuk melihat kejayaan mereka," katanya.

(END)